

antara dua rumpun iaitu Malaysia dan Indonesia dalam bidang akademik dan keusahawanan. Semasa lawatan ini, Rektor Universitas Muslim Nusantara Al-Washliyah (UMN), Medan Prof. Hj. Sri Sulistyawati telah memberi penerangan tentang bidang keusahawanan di UMN dan Indonesia.

Selain daripada itu, Dr. Mohd Azlan Yahya turut menerangkan tentang peranan CEDI sebagai pusat rujukan dalam bidang keusahawanan serta memberikan maklumat, idea dan kaedah yang boleh digunakan bagi membangunkan bidang keusahawanan di UMN. UMN telah bersetuju mendapatkan khidmat kepakaran dari CEDI untuk membangunkan bidang keusahawanan dan koperasi pelajar di UMN. CEDI dan UMN bersetuju untuk menubuhkan koperasi usahasama bagi membentuk rakan strategik dalam keusahawanan. Salah satu bentuk kerjasama dalam bidang akademik dan keusahawanan yang akan dilaksanakan ialah penghantaran pelajar UMN, Indonesia ke Universiti Utara Malaysia (UUM) untuk mendalami ilmu keusahawanan. Dengan cara ini, UMN dapat membangunkan bidang keusahawanan dan koperasi di Indonesia. Selain daripada itu, pihak UMN turut membawa delegasi melawat Air Terjun Sipiso-piso di Berastagi dan beberapa pusat pemasaran barangan di Berastagi dan sekitar Medan, Indonesia.

Habis

=====

DARIPADA:

INSTITUT PEMBANGUNAN KEUSAHAWANAN DAN KOPERASI (CEDI)

UNIVERSITI UTARA MALAYSIA

TEL: 04-9285621/5622/5634/5632

FAX: 049285778/5614